



Ibu mentua beri semangat



Remaja OKU, wanita didakwa bunuh



A sneak Peek into the lives of Internet millionaires: how they make money will shock you!
 24 Business News



Where are the most majestic and flamboyant palaces hiding in India?
 Marie France

Recommended by @utbrain

GYMBOREE
 Kids Clothing
 Newborn To Size 12

ENTIRE STORE
50% off

SHOP NOW

Penurunan kadar estrogen

Vagisan[®] Moisturising Cream

Noticeable relief right after the first application

Vagisan[®] Moisturising Cream

NEW

(DARI kiri) Sharad, Iris dan Yip pada sesi dialog ketika pelancaran Vagisan.

NEW

Dugro Soy

5 NUTRI

Learn More

Info Grafik

PIALA AFF 2016

19 NOVEMBER - 17 DISEMBER

TUAN RUMAH: MYANMAR & FILIPINA

KEJOHAN: KE-II

JUARA BERTAJUAN: THAILAND

KUMPULAN A
 THAILAND
 SINGAPURA
 INDONESIA
 FILIPINA

KUMPULAN B
 MALAYSIA
 KEMBOJA
 MYANMAR
 VIETNAM

PERLAWANAN MALAYSIA

MALAYSIA vs THAILAND (20 NOVEMBER)

Vagina kering adalah masalah umum yang dialami wanita terutama mereka yang sedang menempuh fasa menopause. Namun, dalam keadaan tertentu masalah vagina atau faraj kering turut dialami wanita muda.

Lazimnya, dinding vagina diselaputi lendir jernih yang bertindak sebagai pelincir. Hormon seks seperti estrogen membantu mengekalkan cecair berkenaan dan memastikan lapisan vagina sentiasa sihat, tebal dan elastik.

Ketika menopause, penurunan kadar estrogen mengurangkan bilangan lembapan sedia ada dan menjadikan vagina menipis serta kurang elastik. Namun, penurunan hormon ini juga boleh berlaku disebabkan melahirkan anak, menyusui badan, rawatan radiasi atau kemoterapi, pembedahan membuang ovari dan penggunaan ubatan antiestrogen bagi merawat fibroid dalam rahim atau endometriosis.

Punca lain bagi masalah vagina kering juga boleh disebabkan oleh gangguan autoimun yang menyerang sel yang menghasilkan kelembapan dalam badan, alahan, kerap mencuci faraj dengan sabun atau bahan tertentu dan diabetes.

Menurut Perunding Pakar Ginekologi dan Reproduksi Pusat Pakar Wanita OBGYN Dr Sharad Ratna, wanita yang mengalami masalah kekeringan vagina akan mendapat simptom seperti pedih, gatal-gatal, rensa, sakit ketika hubungan seks (dyspareunia), kerap kencing dan mudah mendapat jangkitan saluran kencing.

"Faktor penurunan kadar estrogen mempengaruhi hampir semua masalah vagina kering. Ini kerana, estrogen adalah hormon wanita yang berfungsi supaya vagina kekal sihat, membekalkan bahan pelincir semula jadi, memberikan keanjalan dan kadar keasidan.

"Oleh itu, kadar estrogen yang menurun mengganggu fungsinya dan menyebabkan berlaku ciri-ciri vagina atrofi. Selain pertambahan usia, kadar estrogen juga boleh menurun akibat mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat seperti merokok dan pengambilan alkohol serta mengalami tekanan atau kemurungan.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog Wanita Malaysia Menderita Secara Senyap anjuran jenama krim pelembap untuk vagina, Vagisan, di ibu negara, baru-baru ini.

Menerusi kajian dijalankan syarikat farmasetikal dari Jerman, Dr August Wolff GmbH & Co, terhadap wanita di negara ini mendapati masalah kekeringan vagina mempengaruhi kualiti hidup mereka.

Dua pertiga daripada responden mengalami impak fizikal dan emosi apabila mencatat 73 peratus bagi tekanan emosi, 72 peratus emosi tidak stabil, manakala 62 peratus mengalami keletihan melampau akibat daripada keadaan ini.

Setiap seorang daripada dua responden pula didapati mengalami masalah kualiti ikatan perhubungan dengan pasangan masing-masing iaitu sebanyak 69 peratus, kurang keyakinan (55 peratus) dan masalah kesihatan secara keseluruhan (55 peratus).

Kajian yang sama juga mendedahkan bahawa tiga daripada lima responden yang mengalami masalah kekeringan vagina mendapatkan rawatan iaitu sebanyak 58 peratus. Tiga kaedah rawatan yang paling lazim digunakan adalah produk pembersih dalaman wanita (31 peratus), pelincir berubat (20 peratus) dan gel berubat (16 peratus).

Malangnya, penggunaan produk terbabit boleh memudaratkan masalah kekeringan vagina kerana faktor kekurangan pelembap kulit. Kajian ini juga mendapati hanya 10 peratus responden berpuas hati dengan kaedah rawatan yang mereka guna selama ini.

Dr Sharad berkata, ramai wanita tidak sedar mereka mengalami masalah kekeringan vagina dan kurang pengetahuan mengenai impak masalah ini dalam kehidupan mereka tanpa mengambil kira faktor umur.


"Kesihatan bahagian intim wanita masih dianggap pantang dalam kalangan wanita pelbagai usia di negara ini. Oleh itu, perbincangan terbuka mengenai perihal masalah kekeringan vagina dan kaedah perawatan yang sesuai dapat membantu mempertingkatkan kualiti hidup wanita Malaysia," katanya.

Mutakhir

- **Gmie teruskan perjuangan di GV3**
- **Milik Edry lagi**
- **Pesta Sukan Kementerian Kewangan bermula**
- **Parah kereta rempuh pokok**
- **(UPDATE) Jambatan ditutup semula**
- **Lapan dibebaskan hari ini**
- **Pemandu lori sayur maut**
- **Jambatan tenggelam seketika**
- **Ditangkap ketika tunggu pelanggan**
- **Heroin lebih RM13,000 dalam beg pinggang**
- **Cadang perlembagaan UMNO dipinda**
- **Pertingkat teknologi di sempadan**
- **Rampas 10 tan kayu**
- **40% penilaian akademik untuk ke SBP**
- **34 PATI ditahan**
- **Isteri maut, suami cedera**
- **Tiada laporan penjawat awam terbabit Bersih 5**
- **Ahli panel siasat kebakaran HSA dilantik**
- **Ketua, pengikut Syiah ditahan [METROTV]**
- **Parah kereta langgar pokok tumbang**
- **Peniaga ke tali gantung**
- **Maut motosikal terbabas**
- **3 suspek samun, cabul wanita dicekup**
- **Dua nelayan Indonesia sah diculik**
- **Ketua Wanita PKR ditahan**
- **99,893 warga emas, Orang**

Lagi Info Grafik >

Tweets by @ArenaHM



Sementara itu, Penasihat Ginekologi Dr August Wolff GmbH & Co Dr Iris Schmidts Winkler berkata, masalah kekeringan vagina dialami ramai wanita, tetapi hanya sedikit yang mendapatkan rawatan doktor.

"Memang masalah kekeringan vagina menjejaskan kebanyakan wanita, walaupun mereka selalunya tidak mengetengahkan isu ini ketika menemui doktor.

"Namun, jika masalah ini menjejaskan kualiti hidup terutama dalam hubungan bersama pasangan, pertimbangkan untuk bincangkan dengan doktor," katanya.

Dr Iris berkata, bagi kebanyakan wanita rumusan berasaskan gel yang sering digunakan untuk merawat vagina kering didapati tidak sesuai kerana faktor kekurangan kesan lipid yang memberi kelembapan dan kelegaan pada kulit.

Malah, beliau turut menegur sikap segelintir wanita yang mengambil jalan mudah mengatasi masalah vagina kering apabila kerap mencuci bahagian keintiman dengan produk pencuci bersabun.

"Mereka menggunakan pencuci dengan haruman, buih mandian atau deodoran yang menghilangkan bau. Sebenarnya, ia tidak digalakkan kerana lebih cenderung mengundang bakteria vagina berikutan amalan terbabit menghilangkan bakteria pelindung semula jadi.

"Tambah lagi, kebanyakan produk pencuci alat sulit sedemikian juga tidak dirumus untuk digunakan di bahagian dalaman sekali gus merawat masalah vagina kering. Penggunaan produk pencuci alat sulit ini disyorkan sekali sehari kerana memadai menggunakan air biasa untuk cucian kerap.

"Malah, ada juga segelintir wanita yang menggunakan krim pelembap kulit biasa bagi merawat kekeringan vagina dan ia adalah salah. Tidak kurang juga yang menggunakan minyak pati, tetapi ia masih tidak merawat masalah utama kerana minyak ini lebih sesuai dipakai pada kawasan luaran vagina. Malah, segelintir minyak pati juga mempunyai elemen alahan," katanya.

Katanya, hasil penyelidikan mendapati Vagisan adalah krim pelembap tanpa hormon pertama yang terbukti mampu merawat dan mengurangkan kerengsaan akibat masalah kekeringan vagina. Ia mempunyai ciri-ciri dwiimpak yang bukan sekadar melembapkan malah juga melegakan kerengsaan.

"Kami mahu semua wanita tahu bahawa ada bantuan untuk masalah mereka. Krim pelembap ini adalah produk yang baik untuk merawat masalah kekeringan faraj kerana ia boleh digunakan tanpa sebarang kesan sampingan terhadap produk kesihatan yang lain.

"Ia juga tidak membawa sebarang gangguan hormon dan sesuai digunakan di dalam dan bahagian luar vagina. Menerusi kajian klinikal dijalankan kami terhadap 92 responden dengan masalah vagina kering mendapati krim ini terbukti berkesan dan rawatan yang unggul mengatasi krim lain," katanya.

Ahli Farnasi dari Persatuan Farmaseutikal Malaysia (MPS), Yip Sook Ying berkata, kebanyakan wanita dengan masalah vagina kering datang ke farmasi bagi mendapatkan ubat untuk merawat gatal-gatal atau pedih tanpa menyedari ia adalah tanda-tanda kekeringan vagina dan menyebabkan mereka menggunakan ubatan yang tidak sesuai.

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 20 November 2016 @ 5:02 AM

Asli dan dapat lesen

- Denda naik harga minuman [METROTV]
- 14 kampung dilanda banjir kilat
- 60 rumah dinaiki air
- Gerik, Lenggong, Batu Gajah banjir kilat
- Maut diserang gajah
- Tak jadi nak mandi
- Lagi nelayan kita diculik
- Tambah reman kes culik bayi
- 'Awat depa buat lagu tu...?'

■ Lagi Berita